

## *Keberkesanan Penggunaan Pemetaan Kurikulum Berdasarkan Kemahiran Pelajar*

**Marhanim Abdullah Thani**

marhanim\_abdullah\_thani@moe.edu.sg

**Siti Aidah Mohd Amin**

siti\_aidah\_md\_amin@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Greenview

### *Abstrak*

Berdasarkan pengamatan dan pemantauan guru, penguasaan dan minat terhadap Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di sekolah menengah semakin merosot. Guru mendapati pakej pembelajaran yang sedia ada kurang sesuai dengan tahap kesediaan pelajar khususnya di sekolah ini. Oleh yang demikian, satu kurikulum berasaskan sekolah perlu dibina. Tujuan kajian ini adalah memantau sejauh mana program berasaskan sekolah yang sesuai dengan tahap kesediaan pelajar dapat menyokong pembelajaran pelajar. Satu pemetaan kurikulum berasaskan sekolah telah disediakan untuk memperbaiki permasalahan ini. Kajian ini akan tertumpu kepada pelajar-pelajar Menengah 1 Ekspres sahaja. Dapatan kajian menunjukkan perubahan positif dalam peningkatan dalam pencapaian dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kata Kunci: peta kurikulum, pemantauan guru, perubahan positif, Kurikulum Berasaskan Sekolah



## PENGENALAN

Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010 menyarankan Kurikulum Bahasa Ibunda menggunakan pendekatan yang berpusatkan pelajar. Pendekatan ini penting bagi memastikan proses pembelajaran bahasa Ibunda pelajar relevan dan bermakna. Kurikulum Berasaskan Sekolah (KBS) memberi peluang kepada para guru untuk membina kurikulum yang lebih sesuai dengan tahap kesediaan pelajar melalui kaedah pemetaan kurikulum. Menurut Leong, Sim dan Chua (2011), Kurikulum berasaskan sekolah ini merupakan usaha yang bersifat *bottom-up* yang diusahakan oleh guru-guru untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran. Proses pembelajaran dilaksanakan dengan mengambil kira perspektif guru.

Kurikulum yang dilakarkan guru melalui pemetaan kurikulum ini membenarkan guru membuat penyesuaian bahan-bahan pengajaran pakej Jauhari yang sedia ada dan bahan pengajaran autentik dengan program-program lain seperti Program Bacaan Luas (ERP). Dengan terlaksananya kurikulum berasaskan sekolah, pelajar pantinya mendapat ruang untuk menjalani proses pembelajaran Bahasa Melayu dengan lebih menarik dan interaktif. Di samping itu, pemetaan kurikulum juga memastikan bahawa objektif dan sukatan pelajaran ditepati. Bahan-bahan pengajaran yang dibina melalui KBS, merangsang keterlibatan pelajar dalam pembelajaran. Proses pembelajaran yang melibatkan pelajar ini, secara tidak langsung, menjadikan pelajar lebih selesa dan yakin semasa menggunakan Bahasa Melayu sekali gus meningkatkan pencapaian mereka. Kajian ini dijalankan di antara November 2014 dan Disember 2015 dengan melibatkan Menengah 1 Ekspres.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. memantau sejauh mana program berasaskan sekolah yang melibatkan penerokaan perancangan dan pelaksanaan kurikulum yang sesuai dengan tahap kesediaan pelajar dapat menyokong pembelajaran pelajar; dan
2. menerangkan kaitan antara bahan pengajaran yang menarik dengan minat belajar para pelajar.



## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemantauan guru, minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu semakin lama semakin merosot. Antara sebabnya, pelajar lebih terdedah dengan penggunaan Bahasa Inggeris. Kecenderungan ini semakin ketara bila pelajar sering dan cenderung menggunakan Bahasa Inggeris dalam aktiviti harian seperti pertuturan di sekolah dan di rumah. Hal ini menyebabkan pelajar semakin kurang menyedari kepentingan berbahasa Melayu kerana penggunaannya yang terhad dalam kehidupan seharian. Natiujahnya, pelajar semakin hilang minat dan keyakinan untuk mengguna dan mempelajari Bahasa Melayu.

Pemantauan guru juga mendapati bahan pengajaran pakej Jauhari yang disediakan Kementerian Pendidikan (MOE) kurang sesuai dengan tahap kesediaan pelajar. Faktor ini menyebabkan minat pelajar terhadap Bahasa Melayu kian merosot kerana tidak tertarik dengan bahan pengajaran yang sedia ada.

Penting bagi para guru menarik minat pelajar supaya gemar belajar Bahasa Melayu. Jika pelajar tertarik untuk belajar Bahasa Melayu, keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa Melayu akan meningkatkan. Hal ini pula akan meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Melayu. Melalui Kurikulum Berasaskan Sekolah, guru-guru dapat membina bahan-bahan pengajaran yang lebih sesuai dan menarik berdasarkan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan Kementerian Pendidikan. Pada masa yang sama, dengan pelaksanaan KBS ini, program-program lain seperti Program Bacaan Luas dan Dwiminggu Bahasa Ibunda dapat diterapkan ke dalam kurikulum.

## KAJIAN LEPAS

Pemetaan kurikulum merupakan proses mendokumentasikan data kurikulum melalui perencana unit yang terdiri daripada kategori-kategori seperti sukatan, penilaian, kegiatan belajar dan strategi pengajaran. Dokumentasi data kurikulum ini dapat dilakukan oleh guru secara kolaboratif atau individu untuk semua program yang diterapkan dalam program kurikulum yang bertujuan untuk merakam gambaran lengkap kurikulum. Secara ringkasnya pemetaan



ini memerlukan pelibatan aktif dan penyertaan guru yang bersifat kolaboratif dalam penyediaan kurikulum. Berasaskan sekolah.

Menurut Dr Heidi Hayes Jacobs (2004), pemetaan kurikulum mempunyai potensi menjadi hab untuk membuat keputusan mengenai pengajaran dan pembelajaran. Pemetaan kurikulum mengatasi bukan sahaja masalah kurikulum tetapi juga masalah program yang dijalankan. Menurut Hale (2008) pula, kaedah pemetaan kurikulum memerlukan penyertaan aktif dan persiapan berterusan oleh para guru untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran. Tambahan lagi guru perlu mengaitkan secara eksplisit kandungan pelajaran, dan kemahiran, dengan wahana penilaian yang diselaraskan.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini bersifat kuasi-eksperimen. Soal selidik dan pemerhatian dijalankan untuk mendapatkan analisis secara kuantitatif dan kualitatif.

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 31 orang pelajar Menengah 1 Ekspres (2015). Agregat purata Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) subjek kajian ialah 199. Gred purata mata pelajaran Bahasa Melayu PSLE subjek kajian pula ialah gred B. Kebanyakan pelajar yang dikaji lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris di rumah dan di sekolah. Secara umum, tahap kemahiran bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu agak sederhana. Mereka juga kurang didedahkan kepada penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian. Ini menyebabkan mereka semakin kurang yakin untuk bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, pencapaian mereka dalam mata pelajaran bahasa Melayu semakin merosot. Seramai dua orang guru bahasa Melayu terlibat dalam kajian yang dijalankan.

### **Instrumen Kajian**

Keberkesanan kaedah pemetaan kurikulum dipantau melalui penggunaan borang soal selidik bagi pelajar. Bagi pelajar, borang soal selidik mengandungi lima pernyataan dengan penggunaan skala Likert empat jenis respons iaitu



Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS). Pernyataan-pernyataan ini memberi tumpuan kepada tahap keyakinan dan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu selepas kaedah pemetaan kurikulum diperkenalkan. Instrumen kajian seterusnya ialah templat pantauan pencapaian pelajar. Templat ini pula digunakan untuk mengukur tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebelum dan sesudah pengenalan kaedah pemetaan kurikulum.

Satu lagi instrumen kajian ialah Pakej Bahan Pengajaran Bahasa Melayu bagi pelajar Menengah 1 Ekspres. Pakej ini menepati sukatan pelajaran, mengandungi bahan aktiviti pelajar, bahan pengajaran guru dan borang soal selidik serta borang maklum balas. Dapatan daripada maklum balas pelajar digunakan untuk mengukur keberkesanan kaedah pemetaan kurikulum. Guru mengumpulkan maklum balas yang diperolehi. Para guru berbincang dan memperbaiki peta kurikulum secara berterusan.

## **Prosedur Kajian**

Guru-guru menyediakan peta kurikulum mengikut sukatan pelajaran pada akhir tahun 2014. Pada masa yang sama, guru juga menyusun semula bahagian-bahagian bahasa dan penulisan yang ingin diajar berdasarkan tahap kesediaan pelajar. Sepanjang tahun 2015, guru mengajar dengan menggunakan bahan-bahan pengajaran baharu yang telah disemak dan diubah suai.


Di samping itu, guru juga menerapkan program-program pengayaan khas yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu seperti Program Dwiminggu Bahasa Ibunda dan Program Bacaan Luas. Secara bertahap-tahap, guru mendapatkan maklum balas daripada pelajar melalui temu bual, soal-selidik, refleksi, tinjauan dan pemerhatian. Peta kurikulum yang dibina akan sentiasa disusun semula agar pengajaran dan pembelajaran lebih efektif dan berjaya. Pada akhir tahun 2015, peta kurikulum diubah suai sekali lagi bagi penggunaan pada tahun 2016.



## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sejumlah 31 borang soal selidik dikumpulkan dan dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar lebih cenderung terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan lebih yakin menggunakan bahasa Melayu. 95% pelajar sangat menyukai pelajaran bahasa Melayu. 90% pelajar lebih berminat untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu. 90% pelajar lebih yakin menggunakan bahasa Melayu di dalam dan luar bilik darjah. 65% pelajar menunjukkan peningkatan 1 gred pada Peperiksaan Akhir Tahun. 20% pelajar menunjukkan peningkatan 2 gred pada Peperiksaan Akhir Tahun.

Rajah 1: Dapatan Soal Selidik Kajian



### Contoh-contoh respons pelajar

*“Saya amat suka dengan pelajaran Bahasa Melayu kerana kami dapat melakukan banyak aktiviti-aktiviti menarik.”*

Aminurrashid 1E1

*“Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah sesuai dengan kadar pembelajaran saya. Ini membuat saya lebih yakin untuk mempelajari Bahasa Melayu.”*

Nabeel 1E2



“Gred mata pelajaran Bahasa Melayu saya meningkat daripada B4 kepada A2. Alhamdulillah.”

Putri 1E3

## KESIMPULAN

Kajian ini membincangkan keberkesanan kaedah pemetaan kurikulum terhadap minat dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Penggunaan Peta Kurikulum amat berkesan bagi kohort Menengah 1 Ekspres (2015). Selain daripada memupuk minat terhadap bahasa Melayu, majoriti pelajar juga menunjukkan peningkatan dalam pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, peta kurikulum harus dikemas kini secara berterusan berdasarkan tahap kesediaan pelajar. Kaedah pemetaan kurikulum akan dilanjutkan kepada peringkat Menengah 2 dan 3. Bahan-bahan pengajaran yang telah dibina bakal dibukukan dalam perancangan jangka masa panjang.

## RUJUKAN

- Hale, J. A. (2008). *A guide to curriculum mapping: Planning, implementing, and sustaining the process*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Jacobs, H .H. (2004). *Getting results with curriculum mapping*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Kai-Ling Leong, Jasmine B-Y Sim and Seok-Hong Chua (2011). *School-based curriculum development in Singapore: Bottom-up perspectives of a top-down policy* Author(s) *Source Curriculum Perspectives*, 31(1), 51-61 Published by Australian Curriculum Studies Association

